

07/03/2000

Kuasa besar rintangan utama transformasi perdagangan dunia

Ramlan Abd Wahab

SEKURANG-KURANGNYA lima isu penting berkaitan perdagangan dunia menjadi pokok perbincangan di Persidangan Mengenai Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-10 (Unctad ke-10) di Bangkok baru-baru ini.

Isu-isu itu termasuklah mengenai masa depan perdagangan dunia, peranan syarikat pelaburan dan transnasional, keperluan kepada peraturan persaingan, perkongsian adil terhadap semua faedah yang diperolehi dari proses globalisasi dan mewujudkan mekanisme untuk menyelesaikan pertikaian perdagangan antara negara-negara dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta institusi perdagangan dan kewangan antarabangsa seperti Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO), Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Kelima-lima isu ini saling berkait antara satu dengan lain, sehinggakan kegagalan mengatasi masalah yang berhubungan dengan mana-mana satu isu akan menghakis kejayaan mengatasi masalah yang berhubungan dengan mana-mana isu yang lain. Sebaliknya kejayaan mengatasi masalah yang berhubungan dengan mana-mana satu isu tidak semestinya akan membawa kejayaan kepada usaha menangani masalah yang berhubungan dengan mana-mana isu yang lain.

Kewujudan kelima-lima isu ini boleh dikiasikan kepada kewujudan angin, perbezaan tekanan atmosfera, perubahan suhu, kadar arus pasang surut, dan perubahan cuaca, yang semuanya akan mempengaruhi ketenangan laut sementara lautan itu adalah analogi kepada suasana perdagangan dunia.

Perubahan suhu yang berlaku secara melampau di permukaan bumi, akan menyebabkan wujudnya perbezaan tekanan yang besar dalam atmosfera, yang akhirnya menjana tiupan angin yang deras di permukaan lautan. Perubahan ini lazimnya akan dituruti oleh perubahan cuaca yang mendadak. Ribut akan berlaku dan lautan akan bergelora.

Dalam konteks ini, sama ada suhu, tekanan, cuaca, atau kadar tiupan angin, ataupun mana-mana satu yang lain, yang lebih dulu berubah secara melampau adalah tidak penting, kerana kesan akhirnya tetaplah lautan yang bergelora.

Dengan demikian, kemampuan Unctad menghasilkan suatu rumusan yang komprehensif sebagai landasan dan strategi tindakan untuk mengatasi sebarang masalah yang berkaitan dengan kelima-lima isu itu tentulah amat terhad, apatah lagi untuk menggubal suatu formula penyelesaian yang muktamad.

Pernyataan retorik yang tidak disertai oleh komitmen politik daripada kebanyakan peserta persidangan dan sikap hipokrit sesetengah negara maju, sudah pasti menjadi rintangan yang berterusan kepada usaha mewujudkan sistem perdagangan dunia yang adil dan progresif.

Kebimbangan yang disuarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai masa depan perdagangan dunia secara langsung menggambarkan senario yang paradoksikal dan mencemaskan dari segi kelangsungan kesejahteraan sejagat.

Dalam ucapan beliau pada permulaan persidangan, Dr Mahathir berkata, "Kepercayaan popular masyarakat antarabangsa bahawa semua negara mestilah terlebih dulu melaksanakan proses liberalisasi dan menguatkuasakan peraturan global sebelum proses pembangunan boleh berlaku, tidak dapat dibuktikan betul sepenuhnya. Apa yang jelas ialah amalan perdagangan dan pelaburan yang dilaksanakan sekarang pun tidak mampu mengagihkan kekayaan secara saksama dan adil... sebaliknya meluaskan lagi jurang perbezaan

antara negara kaya dengan negara miskin."

Sementara negara maju mempunyai pendapatan per kapita berasaskan Keluaran Negara Kasar (KNK) lebih daripada AS\$25,000 (RM95,000), negara miskin dan yang paling kurang membangun (LDC) hanya mempunyai pendapatan per kapita AS\$100 (RM380).

Demikianlah, sementara rakyat di negara yang maju hidup mewah, separuh daripada keseluruhan penduduk dunia yang kebanyakannya rakyat negara miskin dan LDC, terpaksa berhempas pulas membanting tulang untuk menyara kehidupan dengan pendapatan kurang daripada AS\$2 (RM7.60) sehari.

Dalam pada itu, mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Bank Dunia, di antara tahun 1970 hingga 1996, jumlah hutang di Amerika Latin meningkat sebanyak 20 kali ganda, 35 kali ganda di negara selatan Afrika dan 100 kali ganda di negara Dunia Ketiga.

Apa yang lebih menarik ialah negara yang sudah hampir berjaya melaksanakan usaha pembangunan dan pengembangan ekonominya, dengan tidak semena-mena menjadi miskin semula. Bukan saja semua kejayaan yang dicapai lupus dalam tempoh yang amat singkat, kestabilan politik dan kedaulatan negara itu juga turut terjejas.

Ironisnya, perbezaan pendapatan yang demikian luas antara negara maju dan yang paling kurang membangun masih wujud, walaupun institusi kewangan antarabangsa, khususnya Bank Dunia yang ditubuhkan pada 1944 untuk membantu membiayai pembangunan ekonomi di negara miskin, beroperasi selama lebih 50 tahun.

Demikianlah, tragedi ekonomi dan krisis kewangan yang melanda negara seperti Indonesia, Thailand, Korea Selatan dan Malaysia pada 1997 lalu, berlaku walaupun pasaran kewangan dan kadar pertukaran mata wang dunia diawasi dan diselia oleh institusi perdagangan dan kewangan antarabangsa, khususnya oleh IMF sejak 50 tahun lalu.

Jurang pendapatan antara negara yang semakin melebar dan tragedi ekonomi serta krisis kewangan yang terjadi secara tiba-tiba itu, sebenarnya membuktikan bahawa dasar imperialisme dan neokolonialisme di kalangan negara maju masih dominan, sementara syarikat perdagangan dan kewangan multinasional masih berpegang teguh kepada prinsip 'meraih keuntungan semaksimum mungkin' tanpa mempedulikan aspek kemanusiaan.

Secara langsung pula, jurang pendapatan antara negara yang semakin melebar, dan tragedi ekonomi serta krisis kewangan yang terjadi secara tiba-tiba itu, adalah manifestasi kelemahan dan ketidakmampuan institusi perdagangan dan kewangan antarabangsa menyelia dan mengawasi sistem dan proses perdagangan di peringkat dunia atau membuktikan bahawa institusi seperti Bank Dunia dan IMF hanya bertindak mengikut arahan negara maju, khususnya Amerika Syarikat yang sentiasa berusaha untuk memperluaskan hegemoni ekonominya ke seluruh pelosok dunia, ataupun kedua-duanya sekali.

Ketidakadilan dan penindasan dalam perdagangan antarabangsa ini akan lebih mengancam jika usaha menangani faktor yang memungkinkan berleluasanya ketidakadilan dan penindasan ekonomi ini tidak dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh.

Misalnya, selagi aliran modal jangka pendek dan dana lindung nilai tidak dapat dikawal secara tuntas, selagi itulah kemungkinan terjadinya krisis kewangan dan tragedi ekonomi khususnya di negara yang sedang membangun, tidak dapat dihapuskan. Malah, aliran modal jangka panjang sekali pun, jika hanya "...disalurkan ke tempat yang menjanjikan pulangan yang tertinggi, dan tidak ke tempat yang sangat memerlukan modal untuk mempertingkatkan tahap pembangunan", seperti kata Dr Mahathir, tetap akan menyebabkan implikasi kegawatan yang sama.

Anehnya, walaupun suatu mekanisme kawalan tidak dapat dirumuskan, apatah lagi dikuatkuasakan, untuk mengawal arus aliran modal jangka pendek atau 'modal panas' itu, negara-negara maju, kerana desakan oleh firma kewangan

mega, meminta supaya semua negara di dunia segera melaksanakan liberalisasi, terutama sekali dalam sektor pelaburan dan perkhidmatan kewangan.

Pelbagai muslihat dan ugutan ekonomi digunakan untuk memaksa negara yang sedang membangun dan negara miskin melaksanakan gesaan itu. Muslihat yang paling nyata ialah dengan memberikan pinjaman bersyarat melalui Bank Dunia dan IMF. Apa yang berlaku di Thailand, Korea Selatan, dan Indonesia, adalah bukti yang paling jelas akan kejayaan muslihat itu.

Di Indonesia, misalnya pinjaman bersyarat yang disalurkan oleh IMF bukan saja menjadi salah satu faktor yang mencetuskan krisis etnik dan kemelut keyakinan di kalangan massa, tetapi juga kegawatan politik yang mengancam kesepakatan rakyat dan kedaulatan bangsa, agama dan negara.

Untuk melayakkan diri sebagai peminjam, pelbagai perubahan akomodatif terpaksa dilakukan termasuklah meminda pelbagai peraturan yang diinstitusikan dan yang sudah banyak memberi manfaat kepada rakyat, khususnya peraturan yang diklasifikasikan oleh tokoh perdagangan dan sistem kewangan dari negara perindustrian termaju sebagai penghalang kemasukan pelaburan asing.

Tanpa diberi alternatif lain, skim bantuan subsidi yang dilaksanakan untuk menstabilkan harga barangan keperluan asas terpaksa dikurangkan, menyebabkan golongan rakyat miskin tidak mampu membeli barang keperluan asas itu, seperti beras, gula, susu dan sebagainya, apabila peniaga terpaksa menaikkan harga barangan itu.

Maka rakyat khususnya rakyat pribumi yang berasa teraniaya bertindak ganas ke atas peniaga yang secara kebetulan kebanyakannya berlainan etnik dan agama serta dianggap pendatang. Lalu, bermulalah gelombang perpecahan yang mengorbankan beribu-ribu nyawa seperti di Indonesia. Saudagar berbangsa Cina melarikan diri ke negara-negara lain, sementara infrastruktur dan sistem perniagaan dalam negara banyak yang dimusnahkan.

Pada masa yang sama kadar faedah dinaikkan sehingga institusi perbankan dibebani oleh hutang tak berbayar (NPL) yang semakin besar dan pengusaha sukar atau tidak mampu mendapatkan pinjaman. Projek pembangunan dan program pelaburan baru terbengkalai serta ribuan rakyat hilang pekerjaan dan sumber pendapatan. Teori domino bencana ekonomi menjadi realiti yang mengancam keamanan dan keselamatan negara.

Taraf hidup rakyat merosot dengan teruknya, kadar kemiskinan meningkat dan kebangkrapan menular umpama wabak.